BAB KELIMA

PENDIDIKAN TIDAK-FORMAL
(PENDIDIKAN YANG DI ANJURKAN OLEH MASYARAKAT)

5.1 PENGENALAN

Bab lima menjelaskan khusus tentang pendidikan yang dianjurkan oleh masyarakat (tidak formal) yang bertempat di Masjid Al-Mubaraq Desa Koto Dian Pulau Tengah untuk pengajian remaja, pengajian Ibu-ibu Musalla Nurul-Hidayah Desa Koto Dian Pulau Tengah dan Tempat Pengajian Anak Nurul-Hak (TPA Nurul-Hak) Koto Dian. Pendidikan tidak-formal ialah pendidikan yang diadakan atas dasar keprihatinan masyarakat bagi pentingnya suatu wadah pendidikan khusus untuk bahagian kelompok masyarakat tertentu seperti pengajian ibu-ibu, pengajian remaja dan tempat pengajian anak-anak untuk menambah dan melengkapkan lagi hasil pendidikan Islam yang dilaksanakan dalam sistem formal.

Pendidikan tidak formal dijalankan di rumah guru, masjid, atau surau dan pembiayaan ditanggung sendiri oleh anggota pengajian atau pelajari. Di Desa Koto Dian, guru-guru tidak diupah oleh mana-mana pihak. Mereka mengajar semata-mata kerana Allah dan cinta mereka kepada ilmu pengetahuan. Mereka mendapat hasil daripada pembayaran zakat fitrah setahun sekali. Pelajar akan membeli atau mencari kelengkapan sendiri termasuk alat pembelajaran.

5.2 PENGAJIAN REMAJA MASJID AL-MUBARAK DESA KOTO DIAN

5.2.1 Organisasi Pengajian

Organisasi pengajian Remaja Masjid Al-Mubarak Desa Koto Dian Pulau Tengah dirasmi oleh pengurus Remaja Masjid pada hari Sabtu 21 November 2009 jam 20:20 WIB, bertempat di rumah tuan qadi Hudri Hamzah sebagaimana jadual 5.1

Organisasi ini dibentuk sebagai wadah generasi muda di Desa Koto Dian untuk menambah pengetahuan dalam bidang keagamaan selain untuk meningkatkan hubungan silaturrahim. Angota pengajian ini yang berdaftar seramai 55 orang. Kegiatan ini dipanggil pengajian Remaja Masjid Al-Mubarak kerana ia merupakan salah satu kegiatan yang diadakan oleh remaja di Masjid Al-Mubarak.[1]

Jadual 5.1: Organisasi Remaja Masjid Desa Koto Dian Tahun 2009.

NO	NAMA	JAWATAN
1	Novera Isnani Ismil S.Pd.I	Penasihat
2	Ahmad Rokhim bin Nasrun SH	Pengetua
3	Agus Hendriyanto bin Jamuri	Wakil ketua
4	Yulisa binti Yulismi	Setiausaha
5	Vivin binti Khasmir	Bendahari

Sumber: Dokumentasi Remaja Masjid Desa Koto Dian Tahun 2009.

5.2.2. Guru dan Kegiatan Remaja Masjid

Guru yang menyampaikan matapelajaran terdiri dari kalangan ustaz-ustaz yang menetap di Desa Koto Dian Pulau Tengah dan juga dari desa luar. Matapelajaran yang

[1] Temu bual Ahmad Rokhim Nasrun, Ketua Remaja Masjid Al-Mubarak Koto Dian pada 13 Sep 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi Koto Dian.

diselenggarakan adalah seperti ceramah agama yang membincang tentang nasihat-nasihat dan isu-isu semasa yang sedang berlaku atau masalah yang perlu dikaji ketika ini.

Memandangkan organisasi pengajian Remaja Masjid Al-Mubarak ini masih baru, anggotanya mempunyai cabaran-cabaran dari segi pelaksanaannya dan masih banyak lagi program-program dan kaedah pengajian yang perlu diubah suai dengan melihat keadaan semasa saat ini.[2]

5.2.3 Minat Pelajar Terhadap Pengajian Islam

Bilangan pelajar yang aktif sebagai peserta pengajian (anggota berdaftar) adalah seramai 55 orang iaitu 15.7% daripada bilangan semua remaja di desa yang mencapai lebih kurang 350 orang. Ketika kelas pengajian, hanya 50% (25 hingga 30 orang) dari anggota yang hadir ke majlis pengajian dan kebanyakan yang hadir adalah pelajar perempuan iaitu sekitar 60%. Pelajar-pelajar di sini terdiri daripada murid darjah satu, sekolah menengah sehinggalah mereka yang belum berkahwin. Pelajar-pelajar kurang bersemangat dalam menuntut ilmu. Masalah ini mungkin disebabkan oleh pengajian ini masih baru diwujudkan sehingga keyakinan anggota dan masyarakat terhadap pengajian ini belum kuat bahawa pengajian ini boleh bertahan lama sebagai wadah pendidikan agama Islam.[3]

5.2.4 Kaedah Pengajaran yang digunakan Semasa Pembelajaran Islam

Kaedah yang digunakan dalam proses pengajian setakat ini masih menggunakan kaedah ceramah daripada ustaz dan guru-guru, selain kaedah *rihlah* serta soal jawab iaitu

---

[2] *Ibid.*
[3] *Ibid.*

dengan melalui penjelasan tajuk dan isi kandungan secara ringkas dan padat. Pelajar-pelajar mendengar sambil mencatat isi-isi penting. Kegiatan yang ada pada kaedah rihlah sama sahaja tapi tempatnya di luar masjid. Contohnya tempat pelancongan atau taman-taman. Setelah guru-guru atau ustaz-ustaz memberi penjelasan barulah sesi soal-jawab akan diadakan.[4]

Kelas pengajian dijalankan sebanyak empat kali dalam seminggu. Kegiatan yang masih dalam cadangan adalah pengajian pada subuh dan maghrib iaitu solat subuh atau maghrib berjemaah dan seterusnya ceramah agama oleh guru-guru.[5]

5.2.5 Masalah yang dihadapi Semasa Pembelajaran Islam

Masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran agama Islam ini sebenarnya sangat serius. Ianya bukan datang dari anggota-anggota sahaja malah dari masyarakat. Masalah ini memberikan cabaran kepada anggota kegiatan remaja masjid sebagai pembentuk organisasi bahawa kegiatan remaja Masjid Al-Mubarak Desa Koto Dian Pulau Tengah tidak mampu bertahan lama seperti sebelumnya. Hal ini sedikit-sebanyak boleh mengecilkan hati pengurus dan anggota apatah lagi sebelumnya pernah dibentuk tapi tidak aktif dan berhenti begitu sahaja disebabkan tidak ada pengurus dan kekurangan anggota. Adapun masalah dari anggota iaitu anggota perempuan kurang disiplin dibandingkan dengan anggota lelaki. Ada yang terpedaya rakan untuk tidak hadir ke majlis dan sebahagian anggota masih segan untuk bertanya. Untuk pelaksanaannya, tidak ada mikrofon lengkap untuk proses pengajian sementara

---

[4] Temu bual Novera Isnaini Ismail, Penasihat Remaja Masjid Al-Mubarak Koto Dian pada 24 Dis 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi Koto Dian.

[5] Temu bual Ahmad Rokhim Nasrun, *op.cit.*

meminjam milik Masjid Al-Mubaraq. Masalah yang sering menjadi penghambat termasuk juga kekurangan dana untuk pelaksanaan kegiatan pengajian.[6]

Dengan adanya pembentukan organisasi Remaja Masjid Al-Mubaraq Desa Koto Dian Pulau Tengah, kelas pengajian al-Quran perlu diadakan untuk anggota yang belum mahir. Untuk meningkatkan minat remaja untuk belajar mengaji al-Quran, ianya tidak tertumpu pada ceramah-ceramah sahaja kerana selama ini mereka malu untuk belajar, pengaruh media elektronik atau ibu bapa yang kurang perhatian terhadap tahap kebolehan bacaan al-Quran anak-anak mereka. Selama ini, ibubapa pelajar lebih mempercayai guru, manakala remaja zaman sekarang ini tidak bersemangat untuk belajar mengaji dan malas untuk mengulangkaji sendiri di rumah, padahal mereka masih banyak lagi kekurangan dalam pembacaan al-Quran terutama dari segi hukum tajwid dan tarranum.[7]

5.2.6 Pencapaian Pengajian Islam

Pencapaian yang boleh dikecapi oleh anggota pengajian ialah dapat menjalinkan silaturahim sesama anggota sehingga boleh kenal-mengenali antara satu sama lain dan berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman, untuk membentuk akhlak atau memberikan pemahaman tentang nilai-nilai murni dalam Islam yang boleh membentuk keperibadian yang ikhlas dan anggota pengajian lebih memahami tentang ajaran Islam yang sebenar, juga meningkatkan takwa kepada Allah dan berusaha mengerjakan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang. Dengan adanya kaedah rihlah,

---

6 *Ibid.*

7 Temu bual Mujahidin Kasim Rahman, Tokoh Agama Islam dan Pengasas TPA Nurul-Hak Koto Dian pada 20 Des 2009 bertempat di TPA Nurul-hak Koto Dian.

anggota pengajian boleh melihat kekuasaan Allah s.w.t dan meningkatkan keimanan serta memanjatkan kesyukuran kepadaNya.[8]

5.3 PENGAJIAN IBU-IBU SURAU NURUL-HIDAYAH DESA KOTO DIAN

5.3.1 Organisasi Pengajian

Organisasi pengajian Ibu-ibu Surau Nurul hidayah Desa Koto Dian Pulau Tengah terdiri dari ketua umum dan anggota-anggota lain. Ketua umum akan mengatur dan mengurus secara keseluruhan dan akan menghadiri undangan beserta anggota satu wilayah jalan secara bergilir-gilir. Biasanya akan ada undangan majlis dari masjid di kampung lain sebanyak dua kali dalam tempoh sebulan. Untuk satu wilayah akan ada satu ketua lagi yang akan mengurus bahagian anggotanya. Untuk penerangan yang lebih baik jelas, sila rujuk jadual berikut:

Jadual 5.2: Organisasi Yasinan Ibu-Ibu Surau Nurul-Hidayah Koto Dian Tahun 2009

NO	NAMA		JAWATAN	
1	Sri Sukaisih binti Soleh Jamal Murabbi A.Md		Ketua Umum	
2	Maimunah binti khasim		Wakil Pengetua	
3	Sri Iryani binti umar		Bendahari	
4	Kasmaini Atmaja		Setiausha	
NO	NAMA	JAWATAN	WILAYAH JALAN	JUMLAH ANGGOTA
1	Rokiah Husaini	Pengetua	Kenangan	26 Orang
2	Dahmah binti Jamil	Pengetua	Sawahan	36 Orang
3	Aswita binti Darwata	Pengetua	Kemboja	40 Orang
4	Kasmaini binti Jumadi	Pengetua	Suryapagi	37 Orang
JUMLAH				139 Orang

Sumber Data: Dokumentasi Yasinan Ibu-ibu Surau Nurul-Hidayah Tahun 2009

[8] Temu bual Yulisa Yulismi setiausaha dan Vivin biti Khasmir, Bendahari Remaja Masjid al-Mubarak Koto Dian pada 25 Sep 2009 bertempat di Masjid Al-Mubarak Koto Dian.

5.3.2 Guru dan Kegiatan Pengajian.

Guru yang menyampaikan matapelajaran merupakan guru tetap dan kadang kala guru undangan. Guru tetap yang mengisi matapelajaran setiap kegiatan pengajian adalah Encik Mujahidin Kasim dan Encik Mardanus Ibrohim. Adapun guru undangan yang tidak tetap iaitu yang terdiri dari ustaz-ustaz tempatan dan yang dari luar desa. Guru undangan biasanya mengisi tajuk pengajian yang telah ditetapkan. Kegiatan yang lain termasuk juga hari-hari perayaan seperti Isra' Mikraj Nabi Muhammad s.a.w, Maulidurrasul, bulan puasa, bulan Asyura dan lain-lain dengan majlis santapan rohani seperti nasihat-nasihat yang berkaitan dengan isu semasa yang tajuknya telah ditetapkan oleh anggota.[9]

Kegiatan-kegiatan yang diselenggarakan ialah bacaan surah yasin beramai-ramai di bawah pimpinan guru tetap. Aktiviti ini meliputi bacaan do'a, surah yasin, tahlil dan membaca solawat rasul. Aktiviti ini dijalankan setiap minggu pada jam 2 petang, selain aktiviti berzanji yang dipimpin oleh Puan Iryani binti Atmaja. Kegiataan tahunan mengikuti adanya hari-hari besar seperti menyambut bulan Ramadhan maka aktiviti seperti memasak bubur secara bergotong-royong atau memasak makanan lain akan diadakan, selain mendengar santapan rohani bersama guru yang telah diundang. Dalam bulan Ramadhan, majlis bacaan al-Quran secara bergilir-gilir diadakan. Majlis ini diadakan pada malam hari selepas solat Isya' dan solat sunat tarawih, selain mengadakan halal bihalal[10] pada hari keenam syawal sesama anggota agar bulan Syawal

---

[9] Temu bual Rokiah Husaini pengetua Bahagian Jalan Kenangan Pengajian Musalla Nurul-Hidayah pada 25 Dis 2009 bertempat di Rumah Jalan Kenangan Pagi Koto Dian.

[10] Halal bil halal adalah kegiatan kunjung mengunjungi oleh anggota pengajian ke rumah anggota pengajian yang lain baik di kawasan setempat mahupun di luar. Kegiatan ini biasa dilakukan berkelompok atau pergi bersendirian jika ada rumah terbuka di tempat pengajian Ibu-ibu di Desa yang lain.

dapat kemaafan dan menyambung kembali pertalian persaudaraan yang telah renggang.[11]

5.3.3 Minat Anggota Terhadap Aktiviti

Minat anggota yasinan ibu-ibu boleh dikatakan sangat membanggakan kerana ketika sesi pembelajaran berlangsung, hampir semua anggota menghadiri kelas yang telah dijadualkan. Mungkin minat mereka memang sudah ada sebelum ini dan kehadiran angota memang dari kesedaran mereka sendiri yang telah memahami perlunya ada aktiviti pengajian ini.[12]

5.3.4 Kaedah yang digunakan Semasa Pembelajaran Islam

Bacaan tahlil dan doa beramai-ramai dipimpin oleh guru tetap iaitu Encik Mujahidin Kasim dan Encik Mardanus dengan cara membaca bersama-sama. Jika perlu pihak pengurus akan mengundang guru luar untuk memberikan ceramah. Kegiatan ini dilaksanakan dengan cara menyampaikan ceramah di hadapan forum. Sesi soal-jawab akan diadakan antara anggota dan ahli panel tersebut. Untuk mempelajari kaedah berzanji, guru akan berzanji seterusnya akan diikuti oleh pelajar-pelajar secara beramai-ramai atau seorang demi seorang. Jika perayaan hari-hari kebesaran Islam, diadakan aktiviti yang sesuai dengan perayaan tersebuy. Jika bulan Ramadhan, diadakan bacaan al-Quran bergilir-gilir di Musalla pada malam hari selepas solat Isyak dan terawih di masjid.[13]

---

[11] Temu bual Sri Sukaisih Saleh Jamil Murabbi, ketua umum yasianan Musalla Nurul-Hidayah pada 22 Dis 2009 bertempat di Rumah Jalan Surya Pagi Koto Dian.

[12] Temu Bual Suraini Suhaimi anggota pengajian Ibu-Ibu Musalla Nurul-Hidayah pada 22 Dis 2009 bertempat di Rumah Jalan Sawahan Koto Dian.

[13] Temu bual Sri Sukaisih Saleh Jamil, *op.cit.*

5.3.5 Masalah Yang Dihadapi Semasa Pembelajaran Islam

Tidak ada masalah yang serius dalam Pengajian Ibu-Ibu ini kerana pengajian ia dihadiri oleh anggota masyarakat atau orang yang berminat sahaja dan tidak ada sebarang paksaan untuk penyertaan sebagaimana murid sekolah. Mereka yang hadir terdiri dari kalangan masyarakat yang memahami kepentingan aktiviti ini. Sebahagian besar daripada orang-orang yang melibatkan diri adalah orang dewasa dan wanita tua. Aktiviti ini sangat mengalu-alukan penglibatan kaum wanita di sekitar desa terutama mereka yang telah berkawin. Masalah yang lain adalah kekurangan dana untuk menjalankan aktiviti.[14]

5.3.6 Pencapaian Pengajian Islam

Pencapaian pengajian ibu-ibu Surau Nurul-Hidayah membentuk masyarakat yang berilmu tentang ajaran Islam sebenar yang tidak sesat atau menyimpang dari syariah Islam. Selain daripada ibadah, ia melahirkan masyarakat yang beriman dan berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap diri, agama, keluarga serta negara. Aktiviti ini juga mengajak masyarakat untuk beramal di rumah ibadah bersama-sama, meningkatkan silaturrahim serta meningkatkan rasa toleransi dan kerjasama terutama bagi mereka yang berjiran.[15]

---

[14] *Ibid.*
[15] *Ibid.*

5.4 TEMPAT PENGAJIAN ANAK NURUL-HAK DESA KOTO DIAN

5.4.1 Pengasas dan Guru Pengajian

Guru utama TPA ialah Encik Mujahidin Kasim. Beliau akan digantikan oleh kedua-dua anak perempuan beliau iaitu Siska Aprianti dan Siti Hardiyanti. Siska Aprianti merupakan anak sulung beliau yang sedang melanjutkan pelajaran diperingkat ijazah dasar bahagian ilmu al-Quran Siska Aprianti mewakili kejohanan bacaan al-Quran peringkat negeri. Manakala Siti Hardiyanti adalah anak kedua beliau yang merupakan pelajar MTsN Koto Dian Pulau Tengah yang mempunyai prestasi yang baik. Siti Hardiyanti pernah menjuarai kejohanan bacaan al-Quran peringkat wilayah dan sekolah.[16]

5.4.2 Matapelajaran dan Jadual Pembelajaran

Pengajian TPA Nurul-Hak ini dijalankan pada sebelah petang dan malam. Kelas petang bermula selepas waktu Asar sehingga menjelang Maghrib. Sesi petang diisi dengan pengajian anak-anak yang baru belajar baca al-Quran dengan sistem bacaan Iqra'. Kelas waktu malam bermula selepas solat Maghrib sehingga masuk waktu Isyak. Kelas malam diisi oleh anak-anak yang ingin belajar tajwid dan taranum.

Kelas petang Jumaat dimulaikan selepas solat Asar sehingga menjelang waktu Maghrib. Kelas ini merupakan gabungan murid-murid yang belajar solat dan doa harian pada sebelah petang dan malam. Kelas ini dihentikan semasa bulan puasa.[17]

---

[16] Temu bual Mujahidin Kasim, Pengasas dan Guru TPA Nurul-Hak Koto Dian pada 18 Dis 2009 bertempat di TPA Nurul-Hak Koto Dian.

[17] *Ibid.*

5.4.3 Minat Pelajar Terhadap Pengajian

Secara keseluruhan, minat dan kesungguhan pelajar kurang memuaskan jika dibandingkan dengan minat pelajar yang belajar di institusi lain. Ianya dapat dilihat daripada sikap ramai yang tidak berdisiplin dan kurang memberi perhatian di kalangan pelajar semasa pembelajaran sedang dijalankan. Jika keadaan cuaca yang kurang baik seperti hujan, hanya segelintir sahaja yang hadir sedangkan jarak dari rumah ke tempat pengajian hanya mengambil masa 2 hingga 4 minit sahaja dengan berjalan kaki.[18]

5.4.4 Kaedah Pengajian yang digunakan Semasa Pembelajaran

Kaedah yang digunakan sebelum pengajian dimulaikan berdoa bersama-sama agar pelajar terbiasa berdoa sebelum mengerjakan aktiviti harian. sebelum dan sesudah belajar.

Semasa kelas mengaji pada sebelah petang, murid-murid akan membaca menurut bacaan Iqra'. Mereka belajar sendiri kemudian membaca secara bersendirian sesuai dengan matapelajaran masing-masing sambil guru menyemak yang mana salah dan betul. Pada waktu malam, guru akan membaca dengan memberi contoh taranum kemudian murid cuba membaca bersama-sama. Seterusnya, murid-murid membaca menurut contoh yang guru berikan secara bergilir-gilir sementara yang lain mendengar. Pada waktu petang Jumaat, guru dan murid-murid akan membaca bacaan solat bersama-sama kemudian diuji satu-persatu mengikut bab matapelajaran yang diajar. Seterusnya, guru akan memberikan penjelasan sekiranya ada pelajar yang bertanya atau guru yang memberikan soalan kepada mereka.[19]

---

[18] *Ibid.*
[19] *Ibid.*

5.4.5 Masalah yang dihadapi Semasa Pembelajaran

Pengajian TPA Nurul-Hak memiiliki tiga masa pengajian iaitu waktu sebelah Asar, sebelah Maghrib dan waktu mengaji gabungan petang Jumaat.

Waktu pengajian petang, masalah yang dihadapi ialah tahap disiplin pelajar yang sebahagiannya kelihatan tidak berminat untuk datang ke pengajian untuk mengaji al-Quran apatah lagi ketika hujan. Hanya 50% hingga 70% pelajar yang hadir. Jika mereka hadir pun, tumpuan dan perhatian mereka terhadap apa yang diajarkan sangat kurang. Masalah yang lain termasuklah pelajar yang susah untuk menghafal atau mengingat apa yang diajarkan. Ketika proses pengajian, pelajar suka bising sehingga mengganggu rakan sekelas.

Waktu mengaji malam, masalah yang dihadapi adalah sebahagian pelajar kurang tumpuan dan perhatian dan ini menyebabkan pelajar lambat untuk memahami dan menghafal pelajaran yang diajarkan, contohnya hukum tajwid. Manakala dalam matapelajaran taranum, pelajar belum menguasai hukum-hukum tajwid.

Semasa kelas petang Jumaat, masalah yang ditimbulkan oleh pelajar ialah masalah disiplin. Sebahagian pelajar sangat berminat tetapi ada yang malas untuk hadir ke kelas untuk mengaji al-Quran, apalagi ketika turun hujan. Jika hadirpun kurang perhatian pada pelajaran yang diajarkan adalah sangat kurang. Masalah lain termasuk pelajar yang susah untuk menghafal atau mengingat apa yang diajarkan.

Ketika proses pengajian, pelajar suka membuat bising dan mengganggu rakan sekelas. Masalah ini timbul kerana anak yang mengaji waktu petang terdiri dari anak

sekolah rendah yang masih suka bermain-main dan bergurau dengan rakan-rakan sekelasnya dengan berlari, melompat, membaling barang dan bercakap-cakap dengan suara yang kuat. Pelajar yang mengaji waktu malam puratanya merupakan darjah lima dan enam serta sekolah menengah yang faham erti kesopanan dan telah mempunyai rasa malu jika membuat sebarang kesilapan sehingga mereka tidak ada masalah bising.

Masalah yang lain adalah pengumpulan dana untuk menjalankan pengajaran. Peralatan pengajian yang ada disediakan oleh pihak guru pengajian sahaja. Pernah diadakan pengumpulan dana untuk bil elektrik dan air tetapi pelajar berpindah ke tempat pengajian yang lain bahkan ada yang berhenti langsung dari mana-mana tempat pengajian. Ini berlaku disebabkan ekonomi dan pendapatan masyarakat yang susah dan kebiasaannya dari dahulu tidak ada kutipan dana dari mana-mana pengajian.[20]

5.4.6 Pencapaian Pengajian TPA Nurul-Hak

Objektif yang ingin dicapai untuk pengajian sebelah petang adalah supaya pelajar mampu membaca al-Quran kerana seseorang anak itu lebih baik diajarkan semenjak usia muda kerana apabila sudah tua ingatan sudah menjadi lemah. Pengajian petang jumaat pengajaran doa dan bacaan solat bersama-sama. Daripada pembelaran ini, diharap anak didik pengajian TPA Nurul-Hak mampu mengerjakan solat dan bacaan solat dengan betul dan dengan adanya pembelajaran doa anak akan terbiasa membaca doa sebelum dan sesudah mengerjakan sesuatunya serta lebih berakhlak mulia dan bertakwa kepada Allah dan berusaha mengerjakan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang.

---

[20] *Ibid.*

Waktu mengaji malam, selain ingin membateras buta al-Quran, ia juga mencari generasi baru sebagai pelapis di dalam bidang ilmu al-Quran. Dengan adanya pengajaran hukum tajwid dan tarannum, pelajar dapat mengaji dengan bacaan yang betul kerana Islam menganjurkan ummatnya agar membaca sesuatu ayat dengan betul walaupun satu ayat.[21]

5.5 KESIMPULAN

Pendidikan tidak formal adalah pendidikan yang dijalankan melalui anjuran masyarakat bagi menambah hasil pembelajaran melalui sistem formal. Pembelajaran yang dianjurkan oleh masyarakat di desa Koto Dian terdiri daripada pengajian Remaja Masjid Al-M ubaraq Koto Dian, pengajian Ibu-ibu Musalla Nurul-Hidayah Koto Dian dan Tempat Pengajian Anak Nurul-Hak Koto Dian. Terbentuknya tempat-tempat pendidikan ini adalah atas dasar anjuran masyarakat Koto Dian yang memikirkan kepentingan didirikan suatu tempat pendidikan khusus bagi anak-anak, remaja dan ibu-ibu supaya masyarakat mempunyai aktiviti keagamaan yang dapat menambah ilmu pengetahuan untuk mempererat silaturrahim sesama insan dalam masyarakat desa.

Pendidikan tidak formal tidak memiliki organisasi yang lengkap sebagaimana organisasi pendidikan formal. Pendidikan tidak fomal hanya terdiri daripada guru, pelajar, dan beberapa orang pengurus sahaja. Ini kerana ruang lingkup pendidikan tidak formal yang terhad dan mempunyai kegiatan yang sedikit seperti pengajian al-Quran sahaja.

---

[21] *Ibid.*

Pendidikan tidak formal di Desa Koto Dian meliputi semua aspek pendidikan yang ada dalam pembelajaran Islam kecuali pembelajaran Bahasa Arab. Manakala TPA Nurul-Hak lebih menekankan pembelajaran bacaan al-Quran yang lebih baik seperi membaca dengan fasih dengan hukum-hukum tajwid dan tarannum. Tempat pengajian yang lain lebih menekankan kegiatan yang bersifat ibadah dan ditambah dengan pendidikan agama seperti mengadakan ceramah agama dan belajar berzanji. Pendidikan ini juga lebih menekankan pembelajaran dari segi akidah iaitu pemahaman ketuhanan dan tentang ajaran Islam yang sebenar, tidak menyimpang atau ajaran yang sesat.

Kaedah pembelajaran pendidikan tidak formal lebih menggunakan kaedah tradisional iaitu belajar di rumah guru, masjid dan Musalla (surau) dengan menggunakan kaedah ceramah dan syarahan dengan menggunakan mikrofon dan buku-buku rujukan yang biasa digunakan secara umum yang sesuai dengan tahap kemahiran pelajar itu sendiri sepeti al-Quran, *muqaddam* (juz amma), buku Iqra' dan buku bacaan keagamaan. Tidak ada buku rujukan yang moden yang banyak di pasaran seperti buku cara praktis dan cepat pemahaman pelajaran tajwid dan lain-lain.

Dalam pembelajaran tidak formal juga sering terdapat masalah seperti kurang berminat dan sungguh-sungguh dalam belajar padahal mereka diberi kemudahan untuk belajar secara percuma, kerana guru yang mengajar tidak diberi gaji dari mana-mana pihak terutama dari pelajar dan kerajaan. Masalah lain disebabkan kurangnya penerapan disiplin oleh guru kepada pelajar-pelajar dan tidak ada hukuman yang diberikan bagi yang melakukan kesalahan.

Hasil pencapaian pembelajaran bagi pendidikan tidak formal nampak lebih ketara daripada penbelajaran formal, kerana pendidikan formal lebih khusus dan lebih

banyak masa iaitu setiap hari pada masa dan tempat yang sama secara berindividu, kecuali dalam bulan Romadhan dan Syawal, semua kegiatan pembelajaran tidak formal akan dihentikan. Ini akan membentuk aktiviti yang bersifat sementara bagi mengisi bulan Romadhan seperti kelas tadarus al-Quran yang diadakan di masjid ibadah atau di rumah anggota pengajian secara bergilir-gilir yang biasanya akan menghidangkan sedikit jamuan sebagai sedekah daripada pihak keluarga atau anggota yang menyediakan tempat pengajian tadarus al-Quran.